

https://doi.org/10.24035/ijit.25.2024.294			
Received:	22 November 2023	Accepted:	10 March 2024
Revised:	1 February 2024	Published:	15 June 2024
Volume:	25 (June)	Pages:	160-176
To cite: Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob. 2024. Matlamat pembangunan mampan (SDGS) dalam kerangka Malaysia Madani dan Prinsip Maqasid (<i>Sustainable development goals in the framework of Malaysia Madani and Principle of Maqasid</i>). <i>International Journal of Islamic Thought</i> . Vol. 25 (June): 160-176.			

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGS) dalam Kerangka Malaysia Madani dan Prinsip Maqasid

(Sustainable Development Goals in the Framework of Malaysia Madani and the Principle of Maqasid)

WAN FARIZA ALYATI WAN ZAKARIA*, AHMAD SUNAWARI LONG & ZUL'AZMI YAAKOB¹

The human civilization in the modern era witnesses a significant humanitarian and environmental crisis that extends globally, resulting from the rapid development and economic growth. The ongoing debate in finding solutions to these global issues has led to several programs that becoming crucial agendas at the United Nations (UN) level, such as the Millennium Development Goals (MDGs) and more recently, the Sustainable Development Goals (SDGs). As a modern and progressive Islamic nation, Malaysia, through the Madani Framework, has endeavored to adapt the SDGs according to the needs and appropriateness of the country's values and norms in the context of a multiethnic and multireligious society. At the same time, Malaysia also strives to uphold universal and dynamic Islamic principles such as the maqasid shariah in implementing a sustainable and lasting development framework. This article discusses how the symbiosis of the maqasid principles, the Madani Framework, and the SDGs can be conceptually integrated to guide and propel the country towards creating civilizational value and progress for all of humanity.

Keywords: Sustainable Development Goals (SDGs), Malaysia Madani, Maqasid Principle

Secara umumnya, krisis kemanusiaan dan alam sekitar menjadi lebih jelas dan nyata pada awal 1970an dengan lahirnya beberapa penulisan yang prolifik dan menjadi polemik di kalangan intelektual Barat serta masyarakat antarabangsa. Antara karya paling banyak mendapat perhatian adalah *The Limits to Growth* yang diterbitkan pada 1972 oleh *Club of Rome*, iaitu sebuah laporan hasil penyelidikan yang diketuai oleh Dennis dan Donella Meadows. Isu utama yang dihadapi oleh manusia ialah masalah populasi atau kependudukan yang menyebabkan

¹ **Wan Fariza Alyati Wan Zakaria*** (*Corresponding Author*), Ph. D. Senior Lecturer at the Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, MALAYSIA. Email: aufaa@ukm.edu.my [ORCID iD: 0000-0003-4509-7638].

-**Ahmad Sunawari Long**, Ph. D. Assoc. Professor at the Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, MALAYSIA. Email: aslong@ukm.edu.my [ORCID iD: 000-0002-4132-9756].

-**Zul'azmi Yaakob**. Ph. D. Senior Lecturer at the Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, MALAYSIA. Email: zulazmi@ukm.edu.my [ORCID iD: 0009-0002-6834-5622].

berlakunya krisis makanan dan juga kebuluran. Isu ini telah membangkitkan perdebatan hangat tentang keupayaan dunia untuk menampung keperluan survival penduduknya sekiranya beberapa trend semasa tidak diatasi segera seperti masalah pertumbuhan populasi, penggunaan sumber, produktiviti industri dan pencemaran alam sekitar yang dijangka akan mempengaruhi kemusnahan global menjelang abad ke- 21 (Ferkiss n.d.; Aurelio Peccei 1981). Polemik tentang kemanusiaan dan alam sekitar telah mewujudkan apa yang diistilahkan oleh Alberto Gasparini sebagai perdebatan tentang had-had (*Limits Debate*). Dalam konteks masa depan, situasi ini mencetuskan rantaian permasalahan global (*Global Problematique*) terutama sekali berkenaan hubungan antara masyarakat dunia dengan alam sekitar serta sumber-sumber alam dalam skala besar. Hasil utama laporan *The Limits of Growth* ini sangat signifikan terutama dalam meningkatkan kesedaran tentang keperluan mendesak terhadap konsep pembangunan mampan (*sustainable development*).

50 tahun selepas fenomena *The Limits*, masyarakat dunia telah menjadikan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals – SDGs) sebagai teras agenda bagi tahun 2030 seperti yang dipersetujui pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). SDGs merupakan kesinambungan kepada agenda pembangunan sebelumnya, iaitu Millennium Development Goals (MDGs) yang bermula pada tahun 2000 dan berakhir pada 2015. MDGs mempunyai 8 matlamat dan 21 sasaran. Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan kelaparan yang melampau, mencapai pendidikan rendah sejagat, menggalakkan kesaksamaan jantina dan memperkasakan wanita, mengurangkan kematian kanak-kanak, meningkatkan kesihatan para ibu, mencegah HIV /AIDS, malaria dan penyakit utama yang lain, memastikan kelestarian alam sekitar, dan membangunkan perkongsian secara global untuk pembangunan. Manakala SDGs diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran untuk dicapai pada tahun 2030 dalam tiga dimensi pembangunan mampan iaitu merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Apakah Matlamat Pembangunan Mampan ?

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) merupakan pelan tindakan untuk kemakmuran manusia dan dunia. Ia bertujuan untuk mengukuhkan kedamaian sejagat melalui kebebasan yang lebih menyeluruh. Pelaksanaan pembangunan mampan ini bertujuan membasmi kemiskinan dalam semua bentuk dan dimensi, termasuk kemiskinan melampau yang merupakan cabaran global yang paling besar. PBB menjadikan SDGs sebagai satu agenda trasformatif untuk negara-negara di dunia mencapai kemakmuran dan berdaya tahan secara yang saksama, tanpa diskriminasi. Selain itu, SDGs bertanggungjawab untuk meneruskan Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) dalam beberapa perkara yang tidak dicapai sepenuhnya seperti masalah kemiskinan, hak kesamarataan, pembangunan mesra alam dan sebagainya.

Kesinambungan Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) penting untuk melakukan penambahbaikan yang mana SDGs telah mewujudkan matlamat baharu seperti pembangunan inklusif, industri, inovasi, dan infratruktur, menghadapi bencana alam dan lain-lain menjelang 2030. Walau bagaimanapun, perancangan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) ini mempunyai nilai-nilai global yang perlu melihat kesesuaian dengan konteks sesebuah negara kerana mempunyai cabaran-cabaran dan tidak menepati syarat-syarat dan undang-undang dalam negara.

Konsep Pembangunan Mampan Dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGS)


Terdapat beberapa pentakrifan mengenai konsep pembangunan mampan antaranya dalam *Brundtland Report* (1987), pembangunan mampan bermaksud satu bentuk pembangunan yang dapat memenuhi keperluan generasi pada masa sekarang tanpa menjelaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka pada masa hadapan. Ia merangkumi pengawalan mutu persekitaran ekologi, kestabilan dan keadilan sosial di samping pembangunan ekonomi untuk memenuhi keperluan masa hadapan (WCED 1987; Chamhuri 2001). Goodland dan Ledec (1987) juga mempunyai takrifan yang sama dengan merujuk kepada kemampuan ekonomi dan

sosial sebagai keupayaan mengekalkan pembangunan untuk meningkatkan kebaikan penduduk. Apabila mengambil kira hal ini, pembangunan mampan juga ditakrifkan sebagai pola transformasi sosial dan ekonomi yang mengoptimumkan faedah ekonomi dan sosial masa kini tanpa menjelaskan faedah yang sama untuk masa depan (Goodland & Ledec 1987; Chamhuri 2002).

Dalam konteks pembangunan bandar yang menjadi tanda aras kemajuan hari ini, ciri kemampannya perlu mengambil kira keupayaan menampung keperluan penduduk dari sudut sumber, pengagihan bahan buangan serta kadar pencemaran dan kawasan sekelilingnya (White & Whitney 1992). Pembangunan bandar yang mampan juga perlulah memberi perhatian kepada keadilan sosial, keperluan asas, kesihatan awam, dan kesedaran tentang alam sekitar, termasuk kelestarian ekonomi bandar. Justeru, aktiviti ekonomi, peluang pekerjaan dan kemiskinan perlu diambil perhatian dengan memberi tumpuan kepada peranan aktiviti tidak formal serta perdagangan skala kecil dalam pembangunan mampan (Drakakis-Smith 1995).

Peningkatan taraf hidup masyarakat dalam strategi pembangunan mampan tidak boleh tidak perlu memelihara keharmonian alam sekitar. Sumber alam yang ada perlu diwariskan untuk dinikmati oleh generasi akan datang dan meneruskan kehidupan yang sejahtera yang merangkumi aspek persekitaran (*environment*), masa hadapan (*future*) dan kesaksamaan (*equity*). Konsep pembangunan mampan adalah gagasan yang proaktif dan praktikal untuk menangani isu keseimbangan antara tuntutan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar. Konsep ini tercetus semasa Persidangan Bumi di Rio pada tahun 1992 (Ibrahim Komoo 2000). Pendekatan ini menggabungkan kemampunan ekonomi, alam sekitar dan masyarakat melalui pembasmian kemiskinan dan kesaksamaan agihan pendapatan sebagai salah satu matlamat utama. Hubungan yang harmoni antara ekonomi dan ekologi menjadi intipati dan mencorakkan pembangunan mampan (Chamhuri Siwar 2001).

Terdapat 17 matlamat yang telah digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) iaitu menghapuskan jurang kemiskinan, kelaparan sifar, kesihatan yang baik dan kesejahteraan, pendidikan yang berkualiti, kesaksamaan jantina, air bersih dan sanitasi, tenaga berpatutan dan bersih, pekerjaan yang sesuai dan pertumbuhan ekonomi, industri, inovasi dan infrastruktur, mengurangkan ketidaksamarataan, bandar dan komuniti yang mampan, penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab, tindakan iklim, pemeliharaan sumber kehidupan dalam air, pemeliharaan kehidupan darat, keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh, serta kerjasama untuk mencapai matlamat. Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), juga merupakan pelan tindakan untuk meningkatkan nilai kehidupan ke arah yang lebih baik dan lebih mampan untuk semua. Matlamat ini juga ingin memberi manfaat dan faedah yang samarata kepada semua pihak yang terlibat dan tidak mewujudkan jurang di antara golongan kaya dan miskin. Pengurus Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Development Programme - UNDP), Helen Clark menyatakan bahawa SDGs memberikan semua pihak satu pelan perancangan dan agenda bersama untuk menghadapi dan menangani beberapa permasalahan yang mencengkam dunia pada hari ini. Beliau juga menyatakan bahawa UNDP mempunyai pengalaman dan kepakaran untuk disumbangkan kepada negara-negara yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) supaya bersama-sama maju pada masa hadapan.



Infografik 1: Senarai matlamat dan logo dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

Sumber : <https://www.un.org/sustainabledevelopment/blog/2015/12/sustainable-development-goals-kick-off-with-start-of-new-year/>

Berdasarkan Infografik 1 di atas, antara sasaran dalam SDGs ialah menghapuskan kemiskinan, mengakhiri kelaparan, memastikan kehidupan yang sehat dan memajukan kesejahteraan, memastikan kualiti pendidikan yang inklusif dan adil, mencapai kesetaraan gender, memastikan setiap orang mendapat sumber air yang bersih dan sanitasi, memastikan penggunaan tenaga yang baik, mempromosikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pekerjaan yang produktif, membangunkan infrastruktur, menggalakkan industrialisasi dan mengembangkan inovasi, mengurangkan ketidaksamaan, mewujudkan bandar dan penempatan manusia yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan, memastikan penggunaan dan corak pengeluaran yang lestari, memerangi perubahan iklim dan kesannya, mengekalkan dan melestarikan penggunaan lautan, laut dan sumber daya marin untuk pembangunan mampan, melindungi, memulihkan dan menggalakkan penggunaan ekosistem darat yang mampan, menguruskan hutan secara lestari, menentang desertifikasi, dan menghentikan serta menurunkan kemerosotan tanah dan menghentikan kehilangan biodiversiti, menggalakkan masyarakat yang aman dan inklusif untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan inklusif di semua peringkat, memperkuuhkan cara pelaksanaan dan mewujudkan perkongsian global.

Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Di Malaysia

Dalam konteks Malaysia, Malaysia telah mengorak langkah ke arah pembangunan mampan bermula sejak tahun 1970 apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1970 untuk membasi kemiskinan dan menstruktur semula ketidakseimbangan masyarakat. Kesemua rancangan pembangunan Malaysia yang lalu telah menekankan elemen pembangunan merangkumi pertumbuhan ekonomi yang mampan, pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama kepada semua lapisan masyarakat, akses kepada infrastruktur dan utiliti asas, akses kepada pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar yang utama.

Pada tahun 2009, Malaysia telah merumuskan Model Ekonomi Baru (NEM) yang selanjutnya mengukuhkan komitmen Malaysia untuk meneruskan pembangunan mampan berdasarkan tiga tonggak, iaitu pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampunan, yang mencerminkan tiga elemen Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) iaitu ekonomi, sosial dan persekitaran. Pelan pembangunan Malaysia selama 5 tahun sehingga tahun 2020 telah disediakan oleh Model Ekonomi Baru (NEM) bagi memajukan negara (United Nations Development Programme 2019). Di peringkat Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) Malaysia telah mencapai skor Indeks SDG 2018 sebanyak 708, Malaysia berada di tangga ke-55 daripada 156 negara, dan ke-2 dalam ASEAN, satu kedudukan lebih rendah daripada China tetapi lapan kedudukan lebih tinggi daripada Rusia (Zakri 2018). Menurut Muhammad Faris (2019), pada September 2015, selepas menghadiri Sidang kemuncak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menerima pakai Agenda Pembangunan Pasca-2015, Perdana Menteri Malaysia ke 7, Tun Dr Mahathir telah mengumumkan komitmen Malaysia untuk melaksanakan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Menurut Azmizam (2019), Perdana Menteri Malaysia juga telah menandatangi dan mempersetujui agenda yang dibawakan oleh Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Secara ringkasnya, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) adalah kerangka antarabangsa yang mempunyai 17 sasaran untuk dicapai dan disarankan untuk dilaksanakan di Malaysia.

Agensi pelaksana yang bertanggungjawab dan berperanan besar dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Malaysia adalah Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (Azmizam 2019). Jabatan Perangkaan Malaysia bertanggungjawab untuk mengumpul data-data pencapaian dan peratusan peningkatan atau penurunan berkaitan 17 matlamat yang digariskan oleh Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Mereka akan melakukan kajian lapangan kepada semua tempat berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan menghantar data-data yang dikumpulkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Manakala Kementerian Hal Ehwal Ekonomi adalah bertanggungjawab untuk menganalisa data-data yang diberikan oleh Jabatan Perangkaan

Malaysia dan menulis laporan tahunan kepada pihak United Nation Development Program (UNDP).

Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Malaysia semakin meningkat dari semasa ke semasa untuk mencapai matlamat pembangunan Mampan menjelang 2030. Agensi pelaksana utama yang terlibat dalam menjalankan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Malaysia adalah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Terdapat juga agensi-agensi lain yang terlibat seperti universiti awam, universiti swasta, Urbanice Malaysia dan lain-lain lagi.


Kesemua rancangan pembangunan Malaysia yang lalu telah menekankan elemen pembangunan merangkumi pertumbuhan ekonomi yang mampan, pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama kepada semua lapisan masyarakat, akses kepada infrastruktur dan utiliti asas, akses kepada pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar yang utama. Pelan pembangunan Malaysia selama 5 tahun sehingga tahun 2020 telah disediakan oleh Model Ekonomi Baru (NEM) bagi memajukan negara (United Nations Development Programme 2019). Di peringkat Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), Malaysia telah mencapai skor Indeks SDG 2018 sebanyak 708, Malaysia berada di tangga ke-55 daripada 156 negara, dan ke-2 dalam Asean, satu kedudukan lebih rendah daripada China tetapi lapan kedudukan lebih tinggi daripada Rusia (Zakri 2018). Ianya memberi kesan positif kepada Malaysia yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi, politik, sosial, industri dan sebagainya. Jadual 1 di bawah menunjukkan agensi yang terlibat secara langsung dalam pemetaan dan penyelarasian SDGs di peringkat kerajaan:

Agenzi	Skop tugas
Kementerian Hal Ekonomi Malaysia	Menyediakan laporan tahunan negara dan mengemukakannya kepada pihak United Nation Development Program (UNDP).
Jabatan Perangkaan Malaysia	Jabatan yang berada di bawah Kementerian Hal Ekonomi Malaysia dan bertanggungjawab mengumpul dan melaksanakan data dan statistik pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Malaysia.
Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta	Melaksanakan seminar, kursus, pembentangan kertas kerja secara akademik dan ilmiah.
NGO (Urbanice Malaysia, UNDP Malaysia, WWF Malaysia dan lain-lain)	Mempromosikan dan menjayakan perlaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Malaysia.

Jadual 1: Agensi-agensi Pelaksana Matlamat Pembangunan Mampan di Malaysia

Sumber: Azmizam 2019

Malaysia telah melaksanakan beberapa pencapaian dalam setiap sasaran yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Menurut Laporan Matlamat Pembangunan Mampan 2019, Malaysia telah mencapai prestasi purata yang agak baik pada peringkat global. Malaysia telah memperolehi tempat ke 68 daripada 162 buah negara dalam perlaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Momentum tersebut perlu dikekalkan dan memerlukan perangkaan strategi yang lebih baik bagi mengecapi Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) menjelang 2030.



Carta 1: Prestasi Purata Malaysia dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

Sumber: Laporan Matlamat Pembangunan Mampan 2019

Berdasarkan Carta 1, dapat dikenalpasti bahawa prestasi purata Malaysia dalam SDG1 adalah sebanyak 100 peratus yang mana ianya adalah satu pencapaian terbaik untuk Malaysia. Diikuti oleh SDG4, SDG7, SDG13, SDG11, SDG8, SDG3, SDG12 dan SDG6 yang memperolehi prestasi purata melebihi 75 peratus. Seterusnya, purata prestasi SDG16, SDG17, SDG5, SDG9 mencatatkan nilai melebihi 50 peratus. Akhir sekali, terdapat beberapa SDGs yang berada di bawah nilai 50 peratus prestasi seperti SDG14, SDG2, SDG10, dan SDG15.

Secara umumnya, Malaysia telah melaksanakan mekanisme pelaksanaan SDGs dengan inisiatif pembangunan mampan, sejajar dengan Rancangan Malaysia yang ke-11. Selain itu, terdapat juga pelbagai pelaksanaan SDGs telah dilakukan oleh Malaysia dan memperolehi pencapaian yang baik setakat ini seperti kemiskinan mutlak di Malaysia menurun, masalah kelaparan juga menurun dan sebagainya. Ternyata elemen SDGs dalam pembangunan Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu, dan penyelarasannya yang bijaksana adalah perlu untuk mendorong Malaysia terus maju kehadapan dari pelbagai aspek seperti sosial, politik dan ekonomi dalam memenuhi bukan sahaja agenda 2030 SDGs, bahkan lebih besar dan penting adalah agenda bagi melestarikan ketamadunan bangsa dan negara mengikut acuan yang selari dengan agama dan adat tempatan.

Maqasid Syariah sebagai Tunjang Malaysia Madani


Maqāsid al-Shariah sebagai satu disiplin ilmu yang menggarap persoalan matlamat, objektif, prinsip, dan nilai dasar syariat dianggap satu mekanisme teori dan praktis dalam konteks pelaksanaan Islam di zaman moden. Ianya juga menjelaskan hikmah-hikmah di sebalik hukum-hakam seperti memperkasa perpaduan masyarakat adalah daripada hikmah di sebalik membayar zakat, berbuat baik kepada jiran, dan mengucapkan salam kepada orang Islam yang lain. Hikmah di sebalik penetapan hukum juga ialah takwa. Inilah yang menjadi satu sebab kerfardhuan solat, zakat dan puasa.

Dalam buku Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam Kontemporari tulisan Jasser Auda, konsep *Maqāsid al-Shariāh* meskipun masih berpijak pada prinsip-prinsip yang lima yang diungkapkan oleh ulama silam, iaitu *hifz al-din* (memelihara agama), *hifz al-nafs* (memelihara jiwa), *hifz al-'aql* (memelihara akal), *hifz al-nasl* (memelihara keturunan) dan *hifz al-mal* (memelihara harta), namun perlu kepada pendekatan *contemporization* ataupun proses mengungkap semula maqasid sesuai dengan tuntutan zaman. Dengan demikian, *Maqāsid al-Shariāh* tetap relevan, berdaya maju dan berfungsi dalam menangani realiti perkembangan dan perubahan zaman. Matlamat *hifz al-nasl* (memeliharaan keturunan) misalnya, dimaksudkan juga sebagai penjagaan keluarga; *hifz al-'aql* (memeliharaan akal) dikembangkan menjadi objektif pembangunan ilmu, pemikiran saintifik, menolak pemikiran taklid dan menghindari penghijrahan cendekiawan; *hifz al-nafs* (memeliharaan jiwa) yang meliputi *hifz al-'ird* (memeliharaan kehormatan diri) dimaksudkan juga sebagai pemeliharaan maruah kemanusiaan dan perlindungan terhadap hak-hak asasi kemanusiaan (Auda 2014).

Objektif *hifz al-din* (pemeliharaan agama) dimaknakan sebagai pemeliharaan hak kebebasan agama serta *hifz al-mal* (pemeliharaan harta) pula meliputi objektif pembangunan ekonomi dan pemerataankekayaan negara. Pengembangan dan perluasan objektif yang lima tersebut menjadikan maqasid syariah suatu kekuatan, pendorong ke arah pertumbuhan ekonomi yang memang diperlukan oleh negara-negara berpenduduk majoriti Muslim pada ketika ini. Pengungkapan baru terhadap *maqasid* syariah ini tidaklah bertujuan untuk menghapuskan makna yang asal, bahkan hakikatnya sedia terkandung dan tersirat dalam ungkapan *al-usul al-khamsah*. Hal ini berdasarkan konteks perbahasan maqasid syariah dalam wacana klasik Islam, seperti yang dikemukakan oleh Ibn Ashur, Al-Juwaini dan Al-Ghazali. Ibn Ashur (2010: 50-146) di dalam bukunya *al-Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah* telah membahagikan definisi *maqasid al-shariah* ini kepada dua pembahagian yang mencakupi perbahasan *maqasid* daripada iaitu daripada sudut umum dan sudut yang khusus.

Maqasid umum syariah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Ashur merujuk kepada makna-makna, hikmah-hikmah ataupun matlamat-matlamat yang dikenal pasti menjadi asas kepada *al-shariah* dalam pensyariatan kesemua hukum-hakam atau sebahagian besarnya yang diperoleh melalui penilaian yang tidak hanya terhad kepada pengkajian jenis-jenis tertentu sahaja daripada hukum-hukum tersebut, akan tetapi diperolehi melalui penilaian hukum-hukum secara menyeluruh. Beliau telah menyebutkan di antara maqasid umum tersebut adalah menjaga sistem, mengarahkan aktiviti dan tindakan manusia ke arah yang mendatangkan kebaikan dan menjauhkan keburukan. Sementara itu, maqasid khusus merujuk kepada makna-makna atau hikmah-hikmah yang dikenalpasti menjadi tujuan syarak di dalam bab-bab perundangan tertentu, seperti dalam bab keseksaan, muamalat, perkahwinan dan sebagainya yang secara khusus membicarakan tentang matlamat atau tujuan yang dikenalpasti sebagai asas bagi syarak dalam pensyariatan hukum (Mohammad Fauzan 2021).


Al-Juwaini pula memperkenalkan teori *darjat al-dharurat* (peringkat-peringkat keperluan) menerusi cara yang sama dengan teori yang menjadi kebiasaan pada hari ini. Beliau mencadangkan lima tahap maqasid iaitu:



Al-Juwaini (1998: 621, 622 & 747) juga mengusulkan lima tujuan perundangan Islam iaitu:



Murid al-Juwaini, Al-Ghazali mengembangkan teori guru beliau dalam kitab *al-Mustasfa*. Beliau menyusun *al-dharuriyyat* yang disusun oleh al-Juwaini seperti berikut:



Di sini al-Ghazali jelas menggunakan istilah *maqasid* sebagai satu asas untuk beberapa hukum, contohnya: "Setiap yang memabukkan daripada minuman ataupun makanan, ia diharamkan bagi memelihara akal yang menjadi syarat pengtaklifan (Al-Ghazali 1992: 174). Jelasnya, beberapa perbahasan para ulama klasik Islam berkenaan maqasid syariah tidak bersifat statik, bahkan berkembang berdasarkan keadaan yang diperlukan pada masa itu.

Dalam konteks perkembangan semasa, para sarjana moden memperkenalkan konsep dan klasifikasi baru dalam ilmu maqasid dengan memberi pertimbangan kepada dimensi-dimensi baru. Nu'man Jughaim di dalam kitabnya *Turuq al-kash 'an Maqasid al-Shariah* (2002), membahagikan maqasid kepada tiga peringkat:-

1. *Al-Maqasid al-'Ammah*: *Maqasid* ini dilihat dalam setiap aspek perundangan Islam, seperti *ad-dharuriyyat* dan *al-hajiyah* dan juga maqasid baru yang disarankan iaitu menyentuh dalam bahagian keadilan, kesejagatan dan juga kemudahan.
2. *Al-Maqasid al-Khassah*: *Maqasid* ini dilihat pada bahagian yang tertentu daripada perundangan Islam. Seperti kebijakan kanak-kanak dalam undang-undang keluarga, mencegah jenayah dalam undang-undang jenayah, dan menghalang monopoli dalam undang-undang kewangan dan harta benda.
3. *Al-Maqasid al-Juz'iyyah*: *Maqasid* ini membincangkan tujuan di sebalik sesuatu nas dan hukum. Contohnya tujuan mendedahkan kebenaran di sebalik bilangan tertentu dalam penyaksian sesuatu kes di mahkamah, tujuan di sebalik keharusan berbuka puasa kepada

orang sakit yang sedang berpuasa, dan tujuan memberi makan kepada orang miskin di sebalik larangan penyimpanan daging korban semasa hari-hari tasyrik.

Perkembangan teori maqasid telah meluaskan skop manusia merangkumi komuniti, umat dan kemanusiaan secara umumnya. Ibn 'Ashur menyatakan bahawa maqasid yang memberi perhatian terhadap umat diutamakan mengatasi maqasid yang berhubung dengan individu. Rashid Redha yang memasukkan *al-Islah* dan hak-hak wanita dalam teori *maqasid* beliau. Al-Qaradawi pula memasukkan kemuliaan dan hak-hak manusia dalam teori beliau berkenaan maqasid. Perkembangan-perkembangan skop di atas membolehkan mereka memberi respon terhadap isu dan perhatian global, termasuk meneliti hikmah di sebalik hukum serta perancangan praktikal untuk perubahan dan pembaharuan. Mereka turut memasukkan maqasid dan sistem nilainya dalam perbahasan mengenai kewarganegaraan, integrasi, dan hak-hak sivil untuk minoriti Muslim dalam masyarakat majoriti bukan Muslim (Auda 2014).


Kata madani atau dalam Bahasa Arabnya *madany* berasal daripada *madinah* yakni bandar, dan melahirkan kata *tamaddun*, yang bererti peradaban. Masyarakat Madani justeru adalah masyarakat yang memiliki peradaban berbanding masyarakat *badawah*, yang merujuk kepada penduduk desa yang masih primitif. Beg (1980) dalam *Islamic and Western Concept of Civilization* mendefinisikan *madani* sebagai peradaban (*civilization*) dan perkataan ini digunakan buat pertama kalinya pada akhir abad 19 dan abad 20 oleh sarjana Muslim, Farid Wajdi dalam karyanya *Al-Madaniyyah wal-Islam*. Walau bagaimanapun, *madaniyyah* sudah digunakan oleh Al-Farabi (w. 339 H) dalam judul karyanya, *Al-Siyasah wal-Madaniyyah* yang digambarkan dengan kehidupan urban (kota). Kaitan antara perkataan *madinah* dan *madaniyyah* dengan perkataan *civic* dan *civilization* adalah sangat erat, kerana hakikatnya orang kota pada umumnya mengutamakan peradaban atau lebih dulu memiliki peradaban, bahkan peradaban tumbuh dan muncul di kota. Kemudian istilah *tamaddun* digunakan oleh penulis sejarah Arab, Jurji Zaidan dalam karyanya *Tarikh al-Tamaddun al-Islamy*.

Dari segi filologinya, perkataan tamadun juga berasal daripada kata dasar yang sama dengan *madany* iaitu *maddana*. Dalam Kamus *Al-Mawrid*, kata dasar *maddana* bermaksud membandarkan atau memodenkan (Ba'albaki 1995). Kata dasar *maddana* ini telah menerbitkan dua istilah penting iaitu *tamaddun* (secara literalnya bermaksud perbandaran atau *urbanisation*) dan *madinah* (bandar atau *city*) (Beg, 1980). Kadangkala ia juga membawa maksud budaya berasaskan bandar atau budaya kota (Beg, 1980). Merujuk penggunaannya dalam Bahasa Melayu pula, Kamus Dewan (Teuku Iskandar 1970) mencatatkan pengertian tamadun sebagai kebudayaan, peradaban, kemajuan, sopan santun dan sebagainya. Justeru, terdapat tiga istilah yang digunakan untuk menghuraikan tamadun dalam masyarakat Melayu-Islam iaitu kebudayaan, peradaban dan tamadun, namun ia mempunyai satu maksud yang sama iaitu pencapaian manusia di dalam segala aspek kehidupannya sama ada pemikiran, kerohanian, abstrak atau kebendaan (Mustafa Hj. Daud 2002). Sementara itu, Ibn Khaldun pula menggunakan istilah '*umran* dan *hadharah* dalam perbincangan beliau tentang madani. Justeru istilah *madany*, '*umran*, *hadharah*, dan *tamaddun* mempunyai perkaitan yang sangat rapat dan bersumberkan akar kata yang sama. Tidak sukar untuk melihat sejarah di mana berlakunya penyerapan unsur-unsur kebudayaan daripada satu budaya kepada budaya lain yang menghasilkan suatu masyarakat madani, yang bertamadun dan maju, hasil daripada pertembungan dan pengembangan budaya.

Dalam konteks semasa, pentadbiran kerajaan telah memperkenalkan konsep Malaysia Madani yang berteraskan 6 rukun utama bagi mewujudkan sebuah negara madani yang maju dalam acuan dan kerangka negara. Ia berteraskan enam rukun iaitu kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Pengenalan kepada kerangka baru negara ini telah diutarakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Y.A.B Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam satu amanat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 19 Januari 2023 yang berjudul "Membangun Malaysia Madani". Menurut beliau, "istilah 'Madani' merujuk kepada tatakelola yang adil dan berkesan dalam sejarah umat Islam di Madinah, yang dipimpin oleh Nabi Muhammad dan didukung oleh warganya yang berbilang kaum dan agama, iaitu masyarakat yang mengacu pada

dasar-dasar manfaat buat warganya yang disebut *al-khayr*...Keunikan fabrik sosial Madinah ditandai dengan Sahifah Madinah yang diungkapkan sebagai “serba terangkum dan sejagat (*truly inclusive and universal*.)”(Anwar Ibrahim 2023).

Dalam amanat tersebut, Perdana Menteri telah menggariskan enam rukun teras Malaysia Madani digambarkan seperti Infografik 2 di bawah:



Infografik 2: Ringkasan Enam Rukun Malaysia Madani

Infografik 2 di atas menjelaskan **enam rukun** Malaysia Madani iaitu M (keMampunan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAT), N (keyakiNan) dan I (Ihsan) yang menjadi tonggak dalam memata hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Ia adalah sebuah kerangka visi baru buat negara, suatu ikhtiar yang bersepada dan holistik, serta bertunjangkan dasar-dasar yang berorientasikan masa depan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.

Selain itu, logo Malaysia Madani juga dicipta bagi menjelaskan lagi misi dan visi Malaysia Madani sebagai sebuah projek membangunkan semula negara berteraskan konsep madani yang diadaptasi mengikut kesesuaian dan keperluan masyarakat Malaysia yang berbilang agama, bangsa dan kaum bagi mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bertamadun, maju dan terkehadapan.




Sumber: Pejabat Perdana Menteri

Tarikh: 28 Mac 2023

Infografik 3: Rasional Logo Malaysia Madani

Lima jari dengan jalur merah putih yang ditonjolkan dalam logo itu sebagai simbolisme kepada Rukun Negara selaku asas ideologi Malaysia, manakala bulatan ‘tapak tangan’ berwarna biru menandakan kebulatan, muafakat dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Selain itu, bulan sabit adalah simbol Islam sebagai agama Persekutuan turut dijadikan salah satu elemen logo itu, selain bintang berbucu 14 yang melambangkan perpaduan dalam kalangan 13 negeri dan Wilayah Persekutuan. Empat warna digunakan untuk logo berkenaan iaitu biru, melambangkan kesatuan nasional, keterangkuman dan persaudaraan; merah (keberanian, jati diri dan keazaman); kuning (nilai tradisi, kebudayaan dan kearifan tempatan; manakala putih (keluhuran budi, kesucian hati dan hasrat murni). Malaysia Madani digambarkan sebagai panduan dan ikhtiar secara bersepada dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi, bertunjangkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagai dan menjadi medan dialog peradaban. Kerangka Malaysia Madani menjadi pemasu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.

Kerangka Malaysia Madani mempunyai misi dan visi strategik bagi membina negara dan rakyat, dengan mengambil semangat dan inspirasi madani serta umrani seperti yang telah diwacanakan oleh ilmuan dan ahli falsafah Islam seperti Al-Farabi dan Ibn Khaldun. Rukun Malaysia Madani, jika dirujuk kepada perspektif *Maqāsid al-Shariah*, jelas mempunyai hubungan dan kesinambungan yang penting dalam konteks pembangunan yang berteraskan intipati dan nilai-nilai Islam, bahkan menjadi tunjang kepadanya. Teori maqasid dan kerangka Malaysia Madani dapat dilihat secara jelas dalam menghubungkan tiga elemen penting sebagai asas iaitu Tuhan, Manusia dan Alam. Ketiga-tiga elemen ini menjadi komponen utama dalam kerangka Malaysia Madani yang termanifestasi pada logonya yakni bulan sebagai lambang agama Islam sebagai agama persekutuan. Jika dilihat secara komprehensif, hubungan maqasid syariah, Kerangka Malaysia Madani dan SDGs dapat digambarkan seperti Rajah 1 di sebelah:




Rajah 1: Simbiosis Hubungan Maqasid Syariah, Kerangka Malaysia Madani dan SDGs

Dalam perbincangan sebelum ini, Kerangka Malaysia Madani jelas bertunjangkan prinsip maqasid syariah, yang menekankan kepada pelaksanaan orientasi nilai-nilai Islam secara praktikal berdasarkan prinsip objektif syariah mengikut keperluan dan tuntutan semasa yang dinamis. Tuhan menjadi sumber utama yang membentuk pandangan alam serta nilai-nilai dalam hubungan manusia dan alam. Kerangka pembangunan Islam yang berorientasikan Tuhan (*theo-centric*) ini membawa beberapa implikasi penting iaitu:

1. Alam sebagai amanah untuk dijaga dan menjadi tanggungjawab manusia.
2. Alam dibangun untuk tujuan kemakmuran.
3. Alam ditadbir dengan sistem yang ditetapkan oleh Allah Ta’ala (Sunnatullah)
4. Alam ditadbir secara adil iaitu berdasarkan kadar yang sesuai dengannya.

Rajah 2: Tuhan, Alam dan Manusia



Justeru pemahaman tentang prinsip-prinsip *maqasid* yang asas iaitu menjaga agama, menjaga keturunan, menjaga akal, menjaga nyawa dan harta jika dikembangkan dalam konteks pembangunan Malaysia Madani merangkumi kesemuanya kerana alam inilah tempat di mana manusia tinggal, membina kehidupan beragama, berkeluarga, bermasyarakat, berekonomi, dan sebagainya menurut tuntutan dan panduan ketuhanan (*Ilahiyyah*). Menurut Mahayuddin Yahaya (2011), pandangan alam Islam ini jelas akan melahirkan pembangunan yang bertanggungjawab, bukan bersifat memonopoli; pembangunan yang menyenangkan, bukan memanaskan lagi muka bumi dengan pelbagai ciptaan yang merosakkan; pembangunan yang menyuburkan, bukan memusnahkan dengan pelbagai senjata moden dan tenaga nuklear yang membinaasakan; pembangunan yang mewujudkan keadilan ekonomi dan sosial, bukan yang melebarkan lagi jurang antara manusia; ia adalah pembangunan yang melahirkan kemakmuran sejagat (*'umran al-'alam*). '*'umran al-'alam* suatu konsep umum mengenai masyarakat serta perencanaannya secara menyeluruh. Perencanaan ini tertakluk pada ketentuan hukum alam semesta yang melibatkan ekosistem dan masyarakat.

Dalam hubungan ini, Mahayuddin (2011) juga menegaskan bahawa "...kehidupan yang selesa dan makmur yang dimaksudkan itu ialah dari segi politik dan sosioekonomi, termasuk agama. Keadaan ini tercetus melalui tiga tahap: *daruri*, *hajji* dan *kamali*. Istilah-istilah ini dipinjam dari istilah-istilah ilmu Usul Fikah". Menurut ulama Usul Fikah, yang dimaksudkan dengan daruri ialah keperluan asas seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. *Hajji* pula diibaratkan seperti solat qasar dan berbuka puasa bagi orang musafir. *Kamali* ialah pelengkap kepada *hajji* dan tidak diperlukan sangat dalam kehidupan manusia, tetapi jika diperolehi maka tahap kehidupannya akan menjadi lebih selesa dan lebih baik; ia diibaratkan seperti adat tradisi yang baik dan bermanfaat (Muhammad 'Abid al-Jabri 1991).

Justeru, hakikatnya pembangunan Islam berdasarkan Kerangka Malaysia Madani itu mestilah bersifat '*umrani*, yakni menepati konsep '*'umran al-'alam*, sebagai suatu undang-undang atau peraturan ciptaan Allah bagi mengawal kehidupan makhluk yang berada di dunia. Hukum dan peraturan ciptaan Allah ini wujud dalam setiap makhluk termasuk manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang tidak bernyawa seperti air, tanah dan udara. Di samping hukum alam, Kerangka Malaysia Madani juga perlu menepati hukum masyarakat yang melalui peringkat-peringkat pembentukannya. Menurut Mahayuddin Yahaya (2011), kedua-dua hukum alam dan hukum masyarakat ini melahirkan kebudayaan (*thaqafah*), perbandaran (*madaniyyah*) dan tamadun (*hadarah*) serta menggerakkan masyarakat kepada perubahan dan kemakmuran.

Pelaksanaan SDGs Dalam Kerangka Malaysia Madani

Hakikat bahawa Malaysia sebagai negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memerlukan komitmen kerajaan bagi melaksanakan agenda SDGs menjelaskan posisi dan kedudukan negara untuk mengambil pendekatan yang bijaksana dalam mengolah pencapaian matlamat SDGs mengikut acuan nasional. Sementara SDGs mempunyai kebaikan dan manfaat yang banyak bagi mengatasi permasalahan global pada hari ini, SDGs juga mempunyai beberapa sisi cabaran dan kelemahan yang perlu diberi perhatian dan ditangani secara realistik dan

berhikmah. Terdapat beberapa kelemahan SDGs dalam aspek-aspek seperti bilangan matlamat yang terlalu banyak, struktur rangka kerja yang kompleks, kelemahan dari sudut keselarasan matlamat, kebolehukuran sasaran, penggunaan bahasa yang kompleks, dan pergantungan kepada model pembangunan ekonomi neoliberal sebagai orientasi teras. Hal ini mendedahkan SDGs kepada hegemoni status quo sesebuah negara anggota, dan kegagalan penyampaian agenda pembangunan kerana jangkaan yang terlalu tinggi. Lebih daripada itu, SDGs dianggap menjadi batu loncatan bagi penjenamaan ‘perniagaan mampan’ dengan kos yang lebih tinggi serta pertentangan dengan nilai-nilai lokal dan nasional sesebuah negara anggota kerana tunduk kepada tuntutan universalisme global.

Justeru, keperluan bagi menyelaraskan pelaksanaan Kerangka Malaysia Madani yang bertujuan untuk memenuhi tuntutan dan keperluan negara, perlu diseimbangkan secara bijaksana dengan tuntutan dan keperluan mengaplikasi instrumen SDGs dalam tatakelola negara agar tidak terpalit dengan isu-isu serta cabaran yang ditimbulkan oleh SDGs. Merujuk kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) secara lebih makro, diringkaskan huriaian matlamat tersebut sebagaimana Jadual 2 di bawah:

SDG	Matlamat	Huriaian
1	Tiada Kemiskinan	Menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk di mana-mana.
2	Kelaparan Sifar	Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan
3	Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan kepada semua dalam semua lapisan umur.
4	Pendidikan Berkualiti	Menjamin pendidikan menyeluruh dan ekuiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.
5	Kesaksamaan Gender	Mencapai kesamarataan gender dan menguatkan semua orang wanita.
6	Air Bersih dan Sanitasi	Memastikan kecapaian dan pengurusan mampan air dan sanitasi kepada semua.
7	Tenaga Berpatutan dan Bersih	Menjamin capaian kepada tenaga berpatutan, dipercayai, mampan dan moden kepada semua.
8	Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	Mempromosikan perkembangan ekonomi mampan dan menyeluruh, pekerjaan penuh dan produktif, dan pekerjaan layak kepada semua.
9	Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Membina infrastruktur kukuh, mempromosikan industri yang menyeluruh dan mampan dan merangsang inovasi.
10	Mengurangkan Ketidaksamaan	Mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dalam dan sesama negara."
11	Bandar dan Masyarakat Mampan	Menjadikan bandar dan petempatan manusia menyeluruh, selamat, kukuh dan mampan.
12	Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran mampan.
13	Tindakan Iklim	Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim serta kesannya dengan mengawal pengeluaran gas rumah hijau dan menggalakkan pembangunan tenaga boleh diperbaharui."
14	Kehidupan dalam Air	Memulihara dan menggunakan lautan, laut dan sumber marin dengan mampan demi pembangunan mampan.
15	Kehidupan di Darat	Memelihara, memulihara dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem darat, menguruskan hutan secara mampan,

		mengekang penebangan hutan, menghentikan dan mengundurkan degradasi tanah, dan menghentikan kehilangan biokepelbagaiannya.
16	Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Yang Kukuh	Mempromosikan masyarakat aman dan menyeluruh demi pembangunan mampan, memberikan capaian keadilan kepada semua, dan membina institusi yang berkesan, dipercayai dan menyeluruh pada semua tahap.
17	Kerjasama demi Matlamat	Menguatkan cara pengamalan dan menggiatkan kerjasama antarabangsa demi pembangunan mampan.

Jadual 2: Huraian Matlamat SDGs

Perbandingan dalam menilai pelaksanaan SDGs dalam Kerangka Malaysia Madani perlu mengambil pendekatan yang bersifat komprehensif dan kreatif agar selari dengan dasar yang menjadi tunjang pembangunannya yakni maqasid syariah. Sehubungan itu, penilaian terhadap elemen maqasid syariah boleh dirujuk dalam Kerangka Malaysia Madani dan SDGs sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 3 di bawah:

Prinsip Maqasid Syariah	Kerangka Malaysia Madani	SDGs
Menjaga Agama (Pemeliharaan hak kebebasan agama)	keyakiNan	-
Menjaga Akal (Pembangunan ilmu, pemikiran saintifik, menolak taklid dan penghijrahan cendekiawan)	Daya cipta	<ul style="list-style-type: none"> ● Pendidikan Berkualiti ● Inovasi
Menjaga Nyawa (Pemeliharaan kehormatan diri, maruah kemanusiaan dan perlindungan hak-hak asasi kemanusiaan dan kehidupan alam sejagat)	keMampanan & Ihsan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesihatan Baik dan Kesejahteraan ● Air Bersih dan Sanitasi ● Tenaga Berpututan dan Bersih ● Industri, Inovasi dan Infrastruktur ● Bandar dan Masyarakat Mampan ● Tindakan Iklim ● Kehidupan dalam Air ● Kehidupan di Darat ● Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan yang Kukuh ● Kerjasama demi Matlamat
Menjaga Keturunan (Penjagaan keluarga).	hormAt	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesaksamaan Gender
Menjaga Harta (Pembangunan ekonomi dan pemerataan kekayaan negara).	kesejAhteraan	<ul style="list-style-type: none"> ● Tiada Kemiskinan ● Kelaparan Sifar ● Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi ● Mengurangkan Ketidaksamaan ● Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab

Jadual 3: Perbandingan Prinsip Maqasid Syariah, Kerangka Malaysia Madani dan SDGs

Jelasnya, kaedah yang menghubungkan prinsip maqasid dengan Kerangka Malaysia Madani dan SDGs secara simbiotik bertujuan untuk mencapai keseimbangan dan keselarasan nilai-nilai Islam, keperluan pembangunan negara dan penyesuaianya dengan mekanisme global. Prinsip maqasid memberi nilai dalam sistem pembangunan negara berdasarkan landasan agama; Kerangka Malaysia Madani memfokuskan konteks sosio-politik dan budaya di mana nilai tersebut diterap dengan ciri-ciri lokal, dan penyesuaian SDGs sebagai panduan universal bagi membolehkan

tercapainya pembangunan yang bersifat lestari dan sejagat. Penyesuaian SDGs perlu mengutamakan keserasiannya dengan prinsip maqasid dan Kerangka Malaysia Madani, dan sekiranya berlaku pertentangan maka jalan penyelesaiannya memerlukan sama ada kepada kreativiti dalam pelaksanaan, mahupun kebijaksanaan dalam membina alternatif. Sistem nilai maqasid menyediakan piawaian penyeimbang tentang apa yang boleh diterima atau tidak diterima dalam pelaksanaan SDGs serta membuka lebih banyak wawasan untuk kajian peradaban dan matlamat pembangunan lestari dalam kerangka berdasarkan nilai.

Hakikatnya, prinsip maqasid tidak hanya menangani 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) tetapi ia boleh merangkumi sebarang keperluan dan kehendak manusia selagi ia melindungi agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan yang membentuk satu sistem masyarakat dan peradaban manusia dalam kepelbagaiannya dan kekayaan kebudayaan, keluarga, dan masyarakatnya. Ia menganggap sistem nilai dan norma etika sebagai faktor penting dalam pembangunan manusia yang mampan, yang mana tanpa nilai dan norma etika, pelaksanaan SDGs menjadi tidak seimbang dan tersasar. Selain itu, prinsip maqasid menetapkan satu nilai tinggi yang berdiri sendiri, iaitu keturunan, bagi melindungi kehidupan manusia, keluarga dan masyarakat manusia serta nilai-nilai kesejahteraan, peranan, dan pembangunannya. Prinsip maqasid dalam aspek perlindungan kekayaan contohnya, tidak hanya merangkumi nilai dan aset kewangan tetapi juga perlindungan alam sekitar, alam semesta, dan segala yang berada dalam persekitaran manusia meliputi laut, bumi, dan langit (Berghout & Ouahiba 2019).

Simbiosis prinsip maqasid, Kerangka Malaysia Madani dan SDGs dalam konteks model peradaban Islam seperti yang dibincangkan di atas diharap dapat menyumbang kepada pembangunan yang seimbang, serta melahirkan kesedaran bahawa umat Islam perlu memainkan peranan proaktif dalam memahami dan melaksanakannya pada peringkat individu dan kolektif. Visi peradaban Islam merujuk kepada rujukan yang menyeluruh, komprehensif, dan teratur yang membolehkan kajian, analisis, interpretasi, dan penghasilan idea dan penyelesaian yang berkesan berkaitan dengan masalah pembangunan, berdasarkan ajaran Islam. Pemberdayaan umat Islam dengan visi peradaban Islam bermakna memiliki keupayaan untuk menangani masalah, situasi, dan fenomena peradaban secara lebih sistematik, menyeluruh, dan seimbang. Ia adalah keupayaan untuk melihat sesuatu dari pelbagai sudut dan menggunakan pendekatan bersepakut dalam menangani isu dan masalah pembangunan (Kurniawan 2023). Lebih jelas lagi, visi peradaban ini memerlukan perspektif ekologi yang menyeluruh, serta kepekaan terhadap perkaitan pelbagai dimensi dan melibatkan semua aspek kehidupan manusia dan sosial, menekankan penciptaan nilai dan kemajuan peradaban untuk seluruh umat manusia.

References

- Al-Ghazali, 'Abd al-Hamid. 1992. *Al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul*. Vol 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jabiri, M. 'Abid, 1991. *Al-Turath wa al-Hadathah: Dirasat wa Munaqasat*. Beirut: al-Markaz al-Thaqafi al-'Arabi.
- Al-Juwayni, 'Abd al-Malik. 1998. *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Vol. 2. Mansurah: Al- Wafi'.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1997. *Madkhal li Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Wahba.
- Anon. 2017. *Akta Kerja 1955 (Akta 265), Peraturan-peraturan dan Akta Terpilih*. Malaysia: International Law Book Services
- Anon. 2017. *Sustainable Development Goals, Voluntary National Review 2017*. Putrajaya: Economic Planning Unit.
- Anwar Ibrahim. 2023. *Membangun Malaysia Madani*. <https://www.mampu.gov.my>. [Retrieved: 19 December 2023].
- Auda, Jasser. 2014. *Memahami Maqasid Syariah Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam Kontemporeri*. Trsl. Marwan Bukhari A. Hamid. Kuala Lumpur: PTS Publishing House.
- Azmizam Abdul Rasyid. 2019. Konsep Matlamat Pembangunan Mampan dan Agensi-Agenzi yang Terlibat dalam Perlaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan di Malaysia. Interview. 2 June.

- Azmizam Abdul Rashid. 2019. *Matlamat Pembangunan Mampan Dan Agenda Perbandaran Baharu di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan: Dari Dasar Global Kepada pelaksanaan tempatan*. https://www.academia.edu/36182100/matlamat_pembangunan_mampan_dan_agenda_perbandaran_baharu_di_peringkat_pihak_berkuasa_tempatan_dari_dasar_global_kepada_pelaksanaan_tempatan. [Retrieved: 19 Dec. 2023].
- Ba'albaki, Ruhi. 1995. *Kamus al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Beg, M. A. J. 1980. *Islamic and Western Concepts of Civilisation* (2nd ed.). Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.
- Berghout, Abdelaziz & Saoudi, Ouahiba. 2019. Concept of civilisation and sustainable development: a *maqasidic* orientation. *IIUM Journal of Religion and Civilisational Studies (IJeCs)* 2: (2): 88-112.
- Chamhuri Siwar. 2001. *Pembangunan Mampan: Strategi 'Menang-menang' untuk Pembasmian Kemiskinan dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri Siwar. 2002. Ke arah pembangunan mampan: tuntutan dan cabaran. In, *Bunga Rampai Alam Sekitar*. Bangi: Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI).
- Cole, Sam & Masini, EB. 2001. Introduction limits beyond the millennium: a retrospective on the limits to growth. *Futures* 33: 1-5.
- Drakakis-Smith, David. 1995. Third World cities: sustainable urban development, 1. *Urban Studies*. 32: 659-677.
- Economic Planning Unit (MAMPU). 2015. *Eleventh Malaysia Plan 2016-2020: Anchoring Growth on People*. Putrajaya: Prime Minister's Department. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMKe11Book.pdf>. [Retrieved: 19 Dec. 2023].
- Ferkiss, Victor. t.th. The pessimistic outlook. In, Jib Fowles. *Handbook of Futures Research*. (pp. 486-487). Connecticut and London: Greenwood Press.
- Goodland R. & Ledec, G. 1987. Neoclassical economics and principles of sustainable development. *Ecological Modelling* 38: 19-46. London: Elsevier.
- Ibn Ashur. 2010. *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*. Misr: Maktabah al-Iskandariyyah.
- Ibrahim Komoo. 2000. Antara tuntutan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar: suatu pertentangan. (pp. 45-54). In, Abu Bakar Abdul Majeed & Abu Bakar Yang (ed). *Pengurusan Bijak Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Jensen, Lois (Ed.). 2017. *The Sustainable Development Goals Report 2017*. New York: United Nations Publications.
- Jughaim, Nu'man. 2002. *Turuq al-Kashf 'an Maqasid al-Shari'*. Jordan: Dar al- Nafa'is.
- KeTTHA. 2017. *Green Technology Master Plan Malaysia, 2017-2020*. Malaysia: Ministry of Energy, Green Technology and Water (KeTTHA).
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. 2018. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020, Keutamaan dan Penekanan Baharu*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Klasen, Stephen. 2010. *Measuring and Monitoring Inclusive Growth: Multiple Definitions, Open Questions, and Some Constructive Proposals*. n.l. ADB Sustainable Development Working Paper Series.
- Kurniawan, C., Pribadi, U., & Iqbal, M. 2023. The role of e-governance in improving local governments performance (Case Study: Sumbawa Regency). *Jurnal Ilmiah Peuradeun* 11(3): 1139-1154.
- Mahayudin Yahaya. 2011. 'Umran al 'alam dari perspektif Ibn Khaldun: Suatu anjakan paradigma. *International Journal of West Asian Studies* 3(1): 1-28.
- Ministry of Education. 2015. *Malaysia Educational Statistics 2014*. Putrajaya: Ministry of Education Malaysia.
- Ministry of Higher Education. 2017. *Higher Education Statistics 2016*. Putrajaya: Ministry of Higher Education Malaysia.
- Mohammad Fauzan Ni'ami & Bustamin Bustamin. 2021. Maqasid al-Syari`ah dalam tinjauan Ibn Assyur dan Jasser Auda. *Juris: Jurnal Ilmiah Syari`ah* 20 (1): 91-102.

- Muhammad Faris Zaidi. 2019. *Memelihara Hak Orang Kurang Upaya*. <https://m.utusan.com.my/renanca/utama/memelihara-hak-orang-kurang-upaya-1.599110>. [Retrieved: 20 December 2023].
- Mustafa Haji Daud. 2002. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Peccei, Aurelio. 1981. *One Hundred Pages for the Future*. London: Pergamon Press.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. 2023. Rasional Logo Malaysia Madani. <https://www.pmo.gov.my>. [Retrieved: 13 December 2023].
- Rashid Ridha, Mohammad t.th. *Al-Wahy al-Muhammadi: Thhubut an-Nubuwwah bi al- Qur'an*. Kaherah: Muassasah Izz ad-Din.
- Stalker, Peter. 2008. *Let Speak Out for MDGs*. Jakarta: n.p
- Teuku Iskandar. 1970. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- United Nations Malaysia. 2016. *Malaysia Millennium Development Goals Report 2015*. Putrajaya: United Nations Malaysia & Economic Planning Unit Prime Minister's Office. <https://www.undp.org/malaysia/publications/malaysia-millennium-development-goals-2015-report> [Retrieved: 13 December 2023]
- UNDP. 2016. *UNDP Policy and Programme Brief: UNDP Support to the Implementation of the 2030 Agenda for Sustainable Development*. New York: One United Nations Plaza. https://www.undp.org/sites/g/files/zskgke326/files/publications/SDG%20Implementation%20and%20UNDP_Policy_and_Programme_Brief.pdf [Retrieved: 13 December 2023].
- Wajdi, Muhammad Farid. 1912. *Al-Madaniyyah wal-Islam*. USA: Clear Prints.
- Way, Catharine (Ed). 2015. *Millennium Development Goals Report, 2015*. New York: United Nations.
- White, R., & Whitney, J. 1992. Cities and environment: An overview. pp. 8-59. In, R. Stren et.al. (ed). *Sustainable Cities: Urbanization and the Environment in International Perspective*. Colorado: Westview Press.
- United Nations. 1987. *Report of the World Commission on Environment and Development (WCED): Our Common Future*. Oxford: Oxford University Press. <https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/5987our-common-future.pdf>. [Retrieved: 13 December 2023].
- Zaidan, Jurji. 1967. *Tarikh al-Tamaddun al-Islamy*. Beirut: Dar Maktabat al-Hayah.
- Zakri Abdul Hamid. 2018. *Sustainable development goals: Are we on track?* <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2018/07/393474/sustainable-development-goals-are-we-track>. [Retrieved: 13 December 2023].